

09/02/1998

Langkah awal tangani masalah ekonomi

KUALA LUMPUR, Ahad - Kempen Menabung Ehsan Wanita yang dilancarkan hari ini disifatkan sebagai langkah permulaan membantu negara ini menangani masalah kegawatan ekonomi di kalangan wanita, kata Ketua Pergerakan Wanita MIC, Puan Sri P Sarasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kempen Menabung Ehsan Wanita yang antaranya bertujuan menggembelng sumber keewangan di kalangan wanita ke arah pembelian saham di paras harga yang menarik.

"Ini adalah antara semangat bersatu padu yang dapat dilihat di kalangan wanita negara ini tanpa mengira bangsa," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Kempen Menabung Ehsan Wanita di sini hari ini.

Katanya, selain menyertai kempen itu wanita MIC turut mengadakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesedaran di kalangan ahlinya mengenai situasi ekonomi negara.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Wanita MCA, Datuk Teng Aik Guan turut menyokong kempen yang dilancarkan hari ini yang bertujuan meningkatkan semangat menabung di kalangan wanita negara ini.

"Antara usaha yang dilakukan oleh MCA selain mnyertai kempen ini ialah mengadakan perhimpunan secara berperingkat di seluruh negara bagi memberi matlumut kepada ahli kami mengenai cara yang patut dilakukan dalam usaha membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, bersetuju dengan kempen itu yang bertujuan menyatu padu wanita negara ini dalam membantu negara mengurangkan tekanan kegawatan ekonomi.

"Saya berharap setiap wanita di negara ini memainkan peranan besar bukan saja untuk menambah tabungan tetapi turut melabur dalam saham amanah," katanya.

(END)